

Headline **Skim Pal bantu pesakit AIDS**  
Date **07 Jul 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **44**  
Article Size **101 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **404**  
PRValue **1,212**



## Skim Pal bantu pesakit AIDS

**KEPONG** - Yayasan AIDS Malaysia (MAF) memperkenalkan Skim Pal bagi mengumpul dana bagi membiayai kos ubat Terapi Anti-Retroviral Berkereaktifan Tinggi (HAART) peringkat kedua penghidap HIV di negara ini.

Pengerusinya, Profesor Dr Adeeba Kamarulzaman berkata, buat permulaan pembentukan skim itu memberi bantuan kepada pesakit yang mempunyai pendapatan minima RM2,000.

Menurutnya, skim itu juga adalah antara usaha penjenamaan semula skim perubatan sedia ada yang diperkenalkan MAF pada 1998.

"Tujuan utama kita adalah untuk memastikan golongan pesakit ini boleh menjalani kehidupan seperti biasa tanpa perlu bimbang dengan kos perubatan yang sememangnya tinggi ketika ini," katanya.

Beliau berkata, keprihatinan rakyat Malaysia khususnya di harap dapat menyumbang kepada skim terbabit yang sebenarnya banyak membantu pesakit AIDS sejak dahulu lagi.

"Setakat ini lebih 50 penghidap HIV di negara ini menerima bantuan ini dan berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan pada 2010 pula seramai 9,962 daripada anggaran 26,722 atau 37.3 peratus penghidap HIV di negara ini mendapat rawatan melalui HAART," katanya.

Dr Adeeba berkata, kerjasama dengan organisasi dan syarikat korporat ketika ini juga dilihat antara usaha bersepadu pihaknya di dalam merealisasikan impian berkenaan.

Pihaknya percaya sasaran kutipan dana boleh melebihi RM1 juta berdasarkan kutipan menerusi program reben merah yang diadakan setiap tahun.